

Headline	UJI KADAR FORMALDEHID		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	26 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Agro	Circulation	1,270,667
Page No	3	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	617 cm <sup>2</sup>
Journalist	Nor Hanisah Kamaruzaman	AdValue	RM 24,306
Frequency	Daily	PR Value	RM 72,918



# UJI KADAR FORMALDEHID

FRIM sedia kemudahan ujian kepada industri kayu tempatan patuhi piawaian antarabangsa

**Nor Hanisah Kamaruzaman**  
rencana@hmetro.com.my

Industri berasaskan kayu antara sektor penting dalam ekonomi negara apabila produk komposit kayu seperti papan lapis, papan gentian dan serpai menjadi penyumbang penting bagi keseluruhan RM20.5 bilion nilai eksport produk kayu tempatan.

Bagaimanapun, kebanyakan produk kayu berkenaan menggunakan resin sintetik seperti urea formaldehid (UF), fenol formaldehid (PF) dan melamin urea formaldehid sebagai bahan perekat.

Formaldehid ialah gas beracun, tidak berwarna, berbau sengit yang digunakan sebagai pengawet dalam sintesis kimia dan dalam pembuatan resin sintetik. Bahan itu digunakan dalam pembuatan tekstil dan pemprosesan kayu.

Gas formaldehid dibebaskan dalam beberapa proses kimia dan fizikal seperti pemanasan resin formaldehid mahupun kayu panel yang diletakkan di bawah tekanan atau suhu tinggi.

Suasana di dalam rumah pada suhu antara 25 hingga 34 darjah Celsius dan 40 hingga 70 peratus lembapan membebaskan gas formaldehid daripada pelbagai perabot dan hiasan dalaman seperti rak, meja, almari, kerusi dan pintu.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), American California (2008) dan Kesatuan Eropah (2014) mengategorikan formaldehid

Bertindak sebagai pusat penyelidikan terunggul dalam bidang hutan tropika, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) mengorak langkah membantu industri perkayuan tempatan mengatasi halangan pasaran yang dikenakan negara pengimport.

Pegawai Penyelidik Kanan FRIM Dr Rafaedah Rusli berkata, isu pembebasan formaldehid menjadi agenda utama yang wajib dipatuhi pengeluar produk papan

panel negara ini.

“Pasaran global sudah menetapkan garis panduan bagi memastikan produk kayu tempatan memenuhi piawaian antarabangsa seperti Japanese Agricultural Standard (JAS), European Standard (EN) dan California Air Resources Board (CARB),” katanya.

Katanya, FRIM mengamalkan langkah proaktif dengan menyediakan kemudahan ujian pembebasan formaldehid seperti kaedah desikator (piawaian Jepun), kaedah perforator (piawaian Eropah) dan kaedah kebuk sebagai bahan karsinogenik iaitu penyebab kanser dan leukemia.

besar dan kecil.

“Langkah ini penting bagi memastikan produk panel berasaskan kayu dari Malaysia lebih berdaya saing dan kekal di pasaran global,” katanya.

Headline	UJI KADAR FORMALDEHID		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	26 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Agro	Circulation	1,270,667
Page No	3	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	617 cm <sup>2</sup>
Journalist	Nor Hanisah Kamaruzaman	AdValue	RM 24,306
Frequency	Daily	PR Value	RM 72,918

### INFO

- Statistik tahun 2014 mencatatkan sebanyak RMS.2 bilion papan lapis, RM1 bilion papan gantikan dan lebih RM333 juta papan serpai dipasarkan ke luar negara.
- Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), American California (2008) dan Kesatuan Eropah (2014) mengategorikan formaldehid sebagai bahan karsinogenik iaitu penyebab kanser dan leukemia.
- Antara simptom selepas pendedahan kepada formaldehid dalam jangka pendek ialah kerengsaan dan ketidakselesaan pada mata, hidung, tekak, serta batuk, loya dan sesak nafas.



Headline	UJI KADAR FORMALDEHID		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	26 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Agro	Circulation	1,270,667
Page No	3	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	617 cm <sup>2</sup>
Journalist	Nor Hanisah Kamaruzaman	AdValue	RM 24,306
Frequency	Daily	PR Value	RM 72,918



**DR Rafaedah**  
(kanan) menjalankan  
persampelan udara dari  
kebuk besar.